

26 MAR 1996

Parlimen-pendatang

CADANGAN PENDATANG ASING BAYAR CUKAI PENDAPATAN

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Kementerian Kewangan hari ini diminta menjalankan kajian mengenakan pendatang asing cukai pendapatan memandangkan golongan itu kelihatan mampu membina rumah yang besar.

Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) berkata pendatang asing membuat rumah di atas tanah orang tempatan malah rumah mereka lebih besar daripada rumah orang tempatan.

"Daripada mana mereka dapat duit banyak untuk membina rumah besar daripada orang tempatan," katanya semasa membentangkan usul titah ucapan Yang Dipertuan Agong di persidangan Dewan Rakyat di sini.

Beliau juga mencadangkan Kementerian Dalam Negeri supaya mengawasi kemasukan pendatang asing ke negara ini yang tidak teratur.

Beliau juga mencadangkan kerajaan supaya mewujudkan sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi menjalankan seliaan terhadap pendatang asing bagi memudahkan pihak berkuasa mengetahui mengenai kehadiran mereka di sesuatu tempat.

Katanya, pejabat daerah pula perlu ada rekod mengenai pergerakan pendatang asing yang diwajibkan melaporkan diri di pejabat daerah setiap bulan dan langkah ini juga boleh mengelak wujudnya penempatan haram.

"Jika majlis daerah mempunyai rekod mengenai mereka sudah tentu kejadian majlis daerah tidak tahu pewujudan penempatan haram tidak akan berlaku, " katanya.

Beliau juga mencadangkan supaya Tanah Simpanan Melayu tidak perlu dibatalkan taraf memandangkan kini terdapat ramai korporat Melayu yang berkemampuan dalam sektor pemilikan tanah.

Badruddin juga mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula akta pengambilan balik tanah dan memberi peluang kepada pemilik supaya memiliki ekuiti, selain pampasan, dalam sesuatu projek yang hendak dibangunkana di atas tanah mereka.

Beliau juga mahu syarikat-syarikat gergasi seperti Petronas menghantar lebih ramai anak tempatan ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Kerajaan juga perlu menambah peruntukan kepada MARA untuk membolehkannya menghantar lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Badruddin juga meminta kerajaan supaya sentiasa mengawasi agensi-agensinya agar tidak mengalami kerugian.

Beliau mencadangkan supaya setiap agensi kerajaan yang kerugian diselidik secara mendalam.

"Dalam kes Perwaja misalnya, kalau kerugian itu disebabkan kerugian biasa, ia boleh dimaafkan tetapi kalau disebabkan adanya penyelewengan, tindakan tegas perlu diambil supaya mereka tidak mengambil kesempatan atas sikap lembut kerajaan," katanya.

Menyentuh mengenai sambutan ulangtahun ke-50 Umno pada 11 Mei depan, beliau berkata semua masyarakat Melayu harus menyambutnya dengan rasa keinsafan.

Kewujudan Umno adalah atas kesedaran orang Melayu yang tidak sanggup dijajah dan melihat cucu cicit mereka hidup melarat di tanah tumpah darah sendiri, katanya.

Ketua Pembangkang Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) ketika membahaskan usul itu meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbang semula penolakannya terhadap cadangan supaya Kertas Putih mengenai krisis kewangan Perwaja dibentangkan di Parlimen.

Lim, yang juga Setiausaha Agung DAP, berkata tujuannya adalah bagi

memupuk budaya bertanggungjawab dan akauntibiliti para pegawai awam yang terlibat.

"Kertas Putih berkenaan tidak harus hanya terhad dengan menangani skandal Perwaja yang mengalami kerugian terkumpul dan hutang belum berbayar hampir RM10,000 juta tetapi juga mengenai salah laku pengurusan serta kewangan dan bagaimana kerajaan bercadang menyelamatkan Perwaja untuk kali kedua," katanya.

Mengenai isu surat layang yang mendakwa para hakim terlibat dalam rasuah dan salah laku, beliau berharap Suruhanjaya Siasatan yang berkuasa tinggi yang terdiri daripada ahli-ahli terkemuka dan mempunyai reputasi tinggi dibentuk.

Katanya, suruhanjaya itu perlu menjalankan siasatan menyeluruh serta diberi kuasa menangani semua isu lain yang merosakkan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti badan kehakiman.

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok. -- Bernama.

NJ AHH